

Pengasas rumah anak yatim, maahad tahfiz berdepan lima pertuduhan

Ustaz didakwa liwat tiga pelajarnya

Oleh ROSMIZAN RESDI

KOTA BHARU – Seorang ustaz yang juga pengasas sebuah rumah anak yatim dan maahad tahfiz didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas lima pertuduhan meliwat tiga pelajar lakinnya di pusat pengajian di Bachok dan Machang dekat sini sejak tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Muzaidi Mohamad, 30, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Nik Habri Muhamad.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, tertuduh yang juga mudir di kedua-dua pusat pengajian itu didakwa meliwat tiga kanak-kanak dan remaja berusia 12 hingga 15 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di bilik mudir di sebuah rumah anak yatim di Bachok dan di dalam bilik tidur di sebuah maahad tahfiz di Machang kira-kira pukul 10 pagi sehingga 10 malam bermula April 2021 hingga April tahun ini.

Daripada lima pertuduhan itu, empat pertuduhan melibatkan dua orang mangsa yang sama.

Muzaidi didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak



KERATAN Kosmo! 27 April 2024.

2017 (Akta 792) yang mempe-
runtukkan hukuman penjara
sehingga 20 tahun dan boleh
dikenakan hukuman sebat jika
sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan
oleh Timbalan Pendakwa Raya,
Ahmad Faiz Fitri Mohamad dan
Siti Edabayu Subhan, manakala
tertuduh diwakili peguam, Mohd.
Azrul Hasyimi Mohammad

Mohd. Azrul Hasyimi dalam
rayuan memohon ikat jamin pa-
ling rendah diberikan meman-
dangkan tertuduh penanggung
tunggal keluarga selain mempu-
nyai isteri dan anak masih kecil.

Nik Habri membenarkan ter-
tuduh diikat jamin sebanyak
RM75,000 dengan seorang penja-
min untuk kelima-lima pertuduh-
an itu selain tidak dibenarkan
mengganggu saksi pendakwaan
dan perlu melapor diri di balai
polis berdekatan setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 29
Mei ini untuk sebutan semula kes



ANGGOTA polis mengiringi Muzaidi ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam. – ROSMIZAN RESDI

dan serahan dokumen.

Tertuduh membayar ikat ja-
min yang ditetapkan mahkamah.

Kosmo! sebelum ini melapor-
kan, perbuatan seorang ustaz
dipercayai meliwat tiga pelajar
laki sejak dua tahun lalu ter-

bongkar selepas dia ditahan polis
baru-baru ini.

Suspek yang merupakan
tenaga pengajar di sebuah pusat
tahfiz di Machang dicekup pada
16 April lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk

Muhamad Zaki Harun dilapor-
kan berkata, pihaknya menerima
enam laporan berhubung dak-
waan seorang ustaz dipercayai
meliwat tiga pelajar lelaki di se-
buah pusat tahfiz di Machang
dan tiga lagi di Bachok.